



**TEKS UCAPAN  
YAB MENTERI BESAR PERLIS**

**SEMPENA MAJLIS PENYERAHAN DOKUMEN HAK MILIK  
TANAH KERAJAAN DI NEGERI PERLIS**

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah Robbil 'Aalamin, Wabihi Nasta'in.

Salam Perlis dan Salam Sejahtera,

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT BERILMU, NEGERI  
SEJAHTERA, PERLIS MAJU"**

## **SALUTASI**

**YB TUAN AZMAN BIN MOHD YUSOF**

Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

**YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH**

Pengerusi FELDA Malaysia

**YB TUAN MOHD RADHI BIN ABAS**

Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri

**YB TUAN HJ. ZEPRI BIN SAAD**

Pegawai Kewangan Negeri

**YANG BERHORMAT PUAN ASMAIZA BINTI AHMAD**

ADUN Chuping merangkap Exco Kemajuan Luar Bandar & Pembasmian Kemiskinan & Pembangunan Pusat Pertumbuhan Baharu

**BARISAN AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI**

**YANG BERHORMAT ADUN-ADUN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' AMIRUDDIN BIN ABDUL  
SATAR**

Pengarah Besar Felda

Yang Berusaha Tuan Pengarah Jabatan Tanah dan Galian Perlis,

Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan

Dato'-Dato', Datin-Datin; Tetamu-Tetamu Jemputan,

seterusnya hadirin dan hadirat sekalian.

## **PENDAHULUAN:**

1. Segala puji bagi Allah, Tuhan empunya seluruh alam. Dialah yang Maha Kaya, Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Pemilik ke atas Negeri ini dan Penyedia segala sumber.
2. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. yang diutuskan untuk membawa rahmat ke seluruh alam. Syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya dapat kita sama-sama hadir ke **MAJLIS PENYERAHAN DOKUMEN HAK MILIK TANAH KERAJAAN** di Negeri Perlis pada pagi ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

## **KELULUSAN PEMBERIMILIKAN TANAH**

3. Dalam keadaan Kerajaan Negeri sedang rancak merangka pembangunan untuk kemajuan Negeri Perlis, Kerajaan Negeri tidak lupa menitikberatkan kebajikan rakyat, buktinya pada hari ini seramai **707 pemohon tanah** telah diluluskan pemberimilikan tanah kepada warga Felda Chuping dan pengusaha-pengusaha tanah Kerajaan dari 18 mukim iaitu:
  - a. Abi;
  - b. Arau;
  - c. Beseri;
  - d. Chuping;
  - e. Jejawi;
  - f. Kayang;
  - g. Kechor;
  - h. Kuala Perlis;
  - i. Kurong Inai;

- j. Kurong Batang;
- k. Ngulang;
- l. Oran;
- m. Padang Siding;
- n. Paya;
- o. Sena;
- p. Titi Tinggi;
- q. Utan Aji; **dan**
- r. Wang Bintong

## **PENGIKTIRAFAN & KESUNGGUHAN KERAJAAN**

4. Saya juga ingin mengambil kesempatan merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua peneroka, peneroka wati dan pengusaha-pengusaha tanah Kerajaan serta keluarga masing-masing atas penerimaan surat hakmilik tanah pada hari ini.
5. Kerajaan Negeri amat sedar bahawa tanah merupakan aset yang sangat penting dan bernilai, bukan sahaja kepada para peneroka, tetapi kepada sesiapa sahaja antara kita.
6. Ia adalah warisan, hasil kepada segala keringat dan kerja keras serta aset yang harus dipertahankan oleh semua. Lebih-lebih lagi, tanah merupakan aset yang bukan sahaja memberikan pulangan ekonomi yang berbaloi.
7. Tetapi sering menjadi ukuran dan lambang maruah keluarga kita. Sebab itulah kita di pihak Kerajaan Negeri dan FELDA sendiri amat memahami dan prihatin akan perkara ini.
8. Kerajaan Negeri seboleh-bolehnya akan cuba memastikan yang sebarang isu berkaitan dengan hakmilik hartanah

diselesaikan dengan kadar yang segera dan mudah. Akan tetapi, saya juga harap yang tuan-tuan dan puan-puan semua memahami satu perkara. Iaitu, **semua urusan berkaitan dengan hakmilik tanah ini adalah perkara yang memakan masa dan melibatkan prosedur yang sedikit rumit.**

9. Bukan sahaja untuk tanah-tanah FELDA, tetapi semua jenis tanah. Bukan sahaja di Perlis, tetapi di mana-mana sahaja di seluruh negara. Ia sememangnya memakan masa dan harus diuruskan dengan berhati-hati dan teliti.
10. Jadi, saya sangatlah berterima kasih kepada semua peneroka Felda dan pengusaha-pengusaha tanah Kerajaan serta ahli keluarga yang sentiasa memahami dan bersabar dengan perkara ini.
11. Apa yang boleh saya katakan, Kerajaan Negeri, dan saya sendiri secara peribadi sebenarnya sentiasa berusaha untuk memastikan urusan hak milik tanah peneroka FELDA dan pengusaha-pengusaha tanah Kerajaan diuruskan dengan cara yang terbaik demi kebaikan dan manfaat semua pihak.

Hadirin yang dihormati sekalian,

### **ISU PEMILIKAN TANAH**

12. Bagi peneroka Felda, setiap satu FELDA ini mempunyai kapasiti peneroka yang berbeza-beza. Malah, isu dan keperluan setempat di setiap tanah rancangan juga tidak sama. Namun, dalam semua perbezaan itu, isu pemilikan tanah adalah isu yang merentasi semua FELDA. Bukan

sahaja di Perlis, malah di semua negeri-negeri yang mempunyai tanah rancangan FELDA.

13. Ia adalah satu isu yang universal. Untuk warga Chuping dan Warga Felda Chuping khususnya, Kita memahami bahawa isu yang dihadapi oleh para peneroka dan pengusaha-pengusaha tanah Kerajaan tidak hanya berkisar tentang pemilikan tanah. Tetapi juga pelbagai isu lain.
14. Atas dasar itu, semasa **Pembentangan Belanjawan Tahun 2022**, Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan pelbagai projek yang berimpak tinggi dalam pembangunan di kawasan Chuping yang mana bertujuan untuk pengukuhan ekonomi negeri dan penduduk setempat. Perkara ini sudah pasti memberi nilai tambah kepada nilai harta tanah di Kawasan Chuping.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

### **BELANJAWAN KERAJAAN NEGERI PERLIS 2022**

15. Fokus utama dalam **Pembentangan Belanjawan Kerajaan Negeri Perlis Bagi Tahun 2022** untuk melaksanakan projek-projek yang tidak menelan belanja besar, mudah dan cepat dilaksanakan, tetapi rakyat pula segera mendapat faedahnya. Manakala impak projek-projek ini kepada ekonomi adalah besar.

16. Antara perancangan pembangunan dan projek pelaburan yang sedang giat dan bakal dilaksanakan di Kawasan Chuping adalah:-

- a. Pembangunan **Kawasan Perindustrian Lembah Chuping (CVIA)** keseluruhan CVIA dibiayai oleh Kerajaan Pusat dengan peruntukan sebanyak 724 juta ringgit. Ia meliputi fasa 1 dan 2. Fasa 1 seluas 440 ekar sedang dilaksanakan dan dijangka siap tahun 2023.

Fasa 2 seluas 2,042 ekar dijangka dapat dilaksanakan melalui *Rolling Plan* Kedua, RMKe-12. Pusat Perniagaan Bersepadu (IBC) yang berperanan sebagai pusat operasi kepada CVIA telah siap sepenuhnya. Sehingga kini sebanyak 66 peratus telah disewa termasuk agensi kerajaan dan pihak swasta.

- b. **Seterusnya UniKL-ASTI (Asia Sustainable Transportation Institute)**. Peruntukan sebanyak 197 juta ringgit telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan bagi pembinaan UniKL- ASTI di Chuping di atas tanah seluas 60 ekar.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

17. Selain itu, Kerajaan juga telah merancang **Pembangunan Projek Komersial** yang mana Kerajaan Negeri telah meluluskan secara dasar beberapa pelaburan swasta dari syarikat tempatan dan asing dalam pelbagai sektor bagi pengukuhan ekonomi negeri seperti berikut:



- a. **Pembangunan Perlis Power Hub:** Pelaburan swasta dengan anggaran kos pembangunan bernilai 16.8 bilion ringgit ini untuk menghasilkan 5,000 MW tenaga elektrik akan dilaksanakan oleh Konsortium Mutiara Perlis Sdn. Bhd-TNB Power Generation Sdn. Bhd-PETRONAS Gas Berhad di Mukim Chuping di atas tanah seluas 222 ekar.
18. Kerajaan juga memberi fokus kepada Pembangunan sektor **Agro Business** bagi mendukung aspirasi dan halatuju sektor makanan Negara untuk lebih mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi menerusi Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021-2030). Antara projek yang sedang dan akan dijalankan adalah seperti berikut:
- a. **Chuping Agro Valley (CAV):** Projek yang melibatkan dua sektor utama, iaitu Ladang Tenusu Bersepadu dan Ladang Tanaman Bernilai Tinggi Bersepadu yang memfokuskan penanaman nanas varieti MD-2 dan akan disusuli dengan tanaman lain seperti cassava, mangga harumanis, *jerusalem artichoke* dan vanilla, akan dilaksanakan secara kerjasama di antara Felda Global Ventures (FGV), Felcra Berhad dan Baladna Food Industries di atas tanah milik FGV Berhad melebihi 11,000 ekar.
  - b. Seterusnya, **Tanaman Lemon Myrtle yang mana** Projek ini akan dilaksanakan di atas tapak seluas 250 ekar di Chuping.. Projek ini dilihat berpotensi untuk meningkatkan pendapatan penduduk setempat melalui penglibatan di dalam kaedah *contract farming* yang dicadang pelabur.

19. Sehubungan dengan itu, Kerajaan saya yakin dan percaya limpahan ekonomi daripada pembangunan dan pelaburan setempat bakal memberi impak yang baik kepada rakyat Perlis amnya dan penduduk Chuping Khususnya.
20. Apa yang boleh saya katakan, semua ini adalah satu manifestasi keprihatinan Kerajaan terhadap kebajikan peneroka dan warga FELDA serta rakyat Perlis.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

### **PERSEPSI DAN TANGGAPAN**

21. Kita mahu memastikan yang FELDA menjadi satu lembah kehidupan yang sejahtera, yang selamat dan berupaya menawarkan kehidupan yang berkualiti. Imej dan pandangan terhadap FELDA sebagai sekadar satu kawasan penempatan bagi peneroka ladang, mesti kita perbetulkan.
22. Ia menjadi aspirasi saya secara peribadi untuk membawa satu imej baharu yang jauh lebih besar dan dihormati kepada semua warga FELDA. Saya mahu kita semua bersama-sama membuktikan kepada masyarakat di luar sana bahawa tanah-tanah Rancangan FELDA di Perlis, adalah satu kawasan yang bersih, yang harmoni dan lengkap dengan segala kemudahan yang baik.
23. FELDA mesti menjadi kawasan luar bandar yang dinamik. Yang mempunyai kepentingan dan sumbangan yang bermakna kepada negara. Selari dan setimpal dengan sumbangan ekonominya melalui hasil ladang.

24. Anak-anak FELDA mesti berbangga dengan FELDA. Kerana, FELDA sejak sekian lama merupakan satu cerita kebangkitan sosial yang sangat berjaya dan istimewa serta merupakan program pembasmian kemiskinan yang sangat berjaya.
25. Pengiktirafan ini diakui oleh pakar-pakar akademik dan ahli ekonomi dunia. Kita mungkin tidak tahu dan tidak sedar, bahawa dunia luar sebenarnya sangat mengagumi FELDA.
26. Tidak terfikir oleh mereka, bahawa tanah rancangan seperti FELDA berupaya mengubah struktur dan status sosial yang sangat berimpak tinggi. Malah, mobiliti sosial antara peneroka awal dan anak-anak peneroka atau generasi kedua, merupakan suatu pencapaian yang sangat mengagumkan.
27. Saya ingin tegaskan yang semua ini tidak berlaku dengan sendiri. Ia adalah hasil dasar dan inisiatif kita yang sentiasa prihatin dan memandang tinggi kepentingan para peneroka FELDA. Dan sudah pastilah ia juga adalah hasil kerja keras, komitmen serta kerajinan para peneroka semua untuk terus berbudi pada ladang-ladang kita.

Hadirin yang dihormati sekalian,

### **PERATURAN & UNDANG-UNDANG**

28. Pemilik tanah bertanggungjawab memastikan cukai tanah dibayar pada setiap tahun sebelum 31 Mei. Jika berlaku kelewatan denda akan dikenakan. Pemilik juga perlu memastikan syarat-syarat kegunaan tanah dipatuhi.

29. Saya ingin maklumkan yang setiap hakmilik atau geran yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah ini perlu dibayar cukai oleh pemiliknya pada setiap tahun. Secara umumnya kadar cukai bagi Tapak Rumah Kediaman / Kebun buah-buahan adalah sebanyak (RM3 hingga RM5) bagi satu plot. Manakala tapak pertanian sebanyak (RM8 hingga RM208) bagi satu plot.
30. Bagi Pemilik-pemilik pengusaha tanah selain Felda tidak dibenarkan untuk menjual tanah ini dalam tempoh 20 tahun pemilikan. Ini adalah bagi memastikan setiap pemilik menggunakan tanah semaksimum mungkin untuk meningkatkan ekonomi diri dan keluarga.
27. Tujuan adanya sekatan ini hanyalah untuk memastikan tanah yang telah diusahakan sekian lama dengan penat lelah pemohon dari muda hinggalah kini tidak dijual dengan begitu mudah dan kekal menjadi hakmilik keluarga.
28. Tetapi jika ada keperluan mendesak seperti masalah kewangan untuk pembiayaan pengajian anak atau kesihatan ataupun sebab-sebab lain yang penting, maka tuan-tuan boleh memohon untuk mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.
29. Bagi tanah yang dikategorikan sebagai pertanian, pemilik adalah dilarang membuat aktiviti yang lain. Bagi pemilik yang ingin membuat rumah di atas tanah yang dikategorikan sebagai pertanian, hanya 1/5 bahagian daripada jumlah tanah yang dimiliki sahaja yang dibenarkan.
30. Sekiranya pemilik tanah ingin membuat aktiviti selain daripada pertanian untuk tujuan meningkatkan ekonomi isi rumah dan tidak melibatkan keseluruhan tanah, boleh

memohon permit khas. Permit khas ini boleh diperbaharui setiap tahun.

31. Pemilik tanah juga dilarang untuk menanam pokok ketum di atas tanah yang telah dimiliki. Dasar kerajaan ini telahpun dijalankan sejak tahun 2015, ianya dibuat bagi mengekang isu dan masalah yang wujud kesan daripada penanaman pokok ketum.
32. Setiap pemilik tanah adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap tanah mereka. Pemilik haruslah menjaga tanah dengan sebaiknya, serta tidak membiarkan tanah terbiar tanpa sebarang usaha.

Hadirin yang dihormati sekalian,

## **PENUTUP**

33. Akhir kata, Kita mesti bersama-sama menyokong satu sama lain dan terus bersama-sama bekerja keras demi kemajuan Negeri. saya mewakili Kerajaan Negeri Perlis sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada penganjur bersama pihak Felda selaku tuan rumah dan Pejabat Jabatan Tanah dan Galian Perlis serta semua pihak yang telah memainkan peranan masing-masing dalam memastikan kelancaran penyerahan hakmilik tanah pada hari ini.
34. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua barisan Exco, Ketua-ketua Jabatan, dan semua tetamu jemputan, di atas kesudian untuk bersama-sama dalam majlis ini.

35. Doa saya, semoga pemberian geran hak milik hari ini akan menjadi satu lagi kejayaan peribadi yang bermakna kepada semua tuan-tuan dan puan-puan.

Sekian.

Wabilahitaufik Walhidayah, Wassalamualikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.